

## Tulisan Rumi dan Jawi

### Adalah Sama-sama Menjadi Tulisan Bahasa Kebangsaan di dalam Perlembagaan

Di bawah ini dipeturunkan<sup>1</sup> ucapan Tuan al-Syed Nasir bin al-Syed Ismail Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di dalam Majlis Peraduan Bahas Kebangsaan anjuran bersama Persatuan-persatuan Bahasa Kebangsaan Sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan daerah Kuala Lumpur untuk merebut hadiah Piala Tuan Syed Nasir tahun 1961. Peraduan ini telah berjalan beberapa tahun lamanya dan kali ini diadakan di Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, pada 3 Julai 1965 ini. Di antara lain Tuan Syed Nasir berkata:

Saya tertarik hati kerana saya dapati banyak pelajar yang **bukan Melayu** turut mengambil bahagian dalam berbagai-bagai peraduan Bulan Bahasa Kebangsaan yang telah dianjurkan di peringkat daerah dan negeri dan dapat pula membuktikan kebolehan mereka bertutur dengan lancar dan baik dalam bahasa kebangsaan. Saya percaya semangat untuk mempelajari bahasa kebangsaan kita akan lebih berlipat ganda lagi dari masa ke semasa sehingga pada akhirnya akan wujudlah para pelajar dari keturunan yang bukan Melayu yang mengetahui dan mendalami ilmu pengetahuan dalam bahasa kebangsaan.

#### Tidak Bertolak-ansur


Seperti mana yang diketahui iaitu menjelang tahun 1967 bahasa kebangsaan akan menjadi bahasa yang tunggal dan berdaulat di dalam negara kita. Kerajaan tidak lagi bertolak ansur dalam penglaksanaan<sup>2</sup>nya. Adalah menjadi tugas setiap warganegara yang cintakan tanah airnya untuk mempelajari dan memahirkan diri bertutur dan bekerja dalam semangat bahasa kebangsaan. Adalah juga menjadi tanggungjawab setiap pelajar sekarang ini untuk mendalami bahasa kebangsaan seboleh-bolehnya dan menggunakannya dalam semua lapangan hidup hari-hari.

Sebaik-baik tempat untuk menyemaikan semangat cintakan bahasa kebangsaan dan perpaduan ialah di bangku sekolah. Pelajar-pelajar sekalian adalah diberi tanggungjawab ini untuk memimpin rakyat Malaysia yang akan datang. Pelajar-pelajarlah yang akan menjadi bakal pemimpin negara kita di masa akan datang. Pemimpin-pemimpin sekarang yang sudah tua akan meninggalkan kita dan tempat-tempat mereka akan digantikan oleh pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi hari ini yang membawa semangat baharu sesuai dengan tuntutan zaman dan keperluan-keperluan kebangsaan tanah air. Suasana dan iklim yang ditempuhi dan dialami oleh pelajar-pelajar kita sekarang amatlah berbeza dari suasana dan iklim yang ditempuhi dan dialami oleh pemimpin-pemimpin kita dalam keturunan yang lepas-lepas. Pelajar-pelajar sekarang dilahirkan di tengah-tengah udara kemerdekaan yang membawa pula berbagai-bagai persoalan hidup yang tidak pernah dirasai oleh pemimpin-pemimpin lama kita di masa muda mereka dahulu. Perubahan-perubahan baharu yang kita hadapi dalam sebuah negara yang merdeka amatlah banyak. Antara perubahan baharu yang saya anggap paling penting ialah bahasa kebangsaan.

Oleh sebab kerajaan dan rakyat yakin bahawa bahasa kebangsaan adalah satu daripada beberapa faktor yang dapat menyatupadukan rakyat jelata dari berbagai-bagai kaum di negeri ini maka bahasa itu dijadikan bahasa yang

<sup>1</sup>'Diperturunkan' dieja sebagai 'dipeturunkan'

<sup>2</sup>'Pelaksanaan' dieja sebagai 'penglaksanaan'



Peserta-peserta Kongres Ekonomi Bumiputera yang diadakan di Kuala Lumpur baharu-baharu ini. Mereka menumpukan perhatian dan harapannya kepada Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar atas kejayaannya.

penting di semua jenis sekolah dan juga sebagai bahasa pentadbiran negara. Penyemaian benih semangat perpaduan dan keperibadian negara yang lebih sihat dan teratur dapat diwujudkan melalui bahasa kebangsaan. Bukan sahaja kita dapat memahami jiwa seseorang yang lain dalam masyarakat kita melalui bahasa kebangsaan tetapi kita dapat juga mengenalkan **peribadi kebangsaan** kita sendiri melalui bahasa tersebut. Kita tidak boleh lagi hidup dengan cara masing-masing dengan tidak mempunyai sesuatu tali pengikat yang kuat dan sakti antara rakyat dari berbagai keturunan bangsa.

#### **Bahagian Bukan Melayu**

Dengan mempunyai sesuatu sistem pelajaran yang menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya yang utama maka kerajaan akan dapat melahirkan suatu angkatan pelajar-pelajar yang berpendidikan bahasa kebangsaan. Kerajaan telah membuktikan kebenaran ini bila pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah kebangsaan telah dapat mencapai pelajaran tinggi hingga ke tingkat enam dan telah masuk belajar di Universiti Malaya tahun ini. Di antaranya ada dua pelajar-pelajar Cina dan

di antara tingkatan dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Shah yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya sekarang ini, terdapat empat orang pelajar-pelajar dari keturunan Cina.

Pelajar-pelajar ini akan menjadi pelopor dalam sistem pelajaran kebangsaan yang mempunyai aliran bahasa kebangsaan sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat dan negara di masa yang akan datang. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar hari ini hendaklah mematuhi cara-cara dan peraturan-peraturan hidup yang boleh menguntungkan keturunan akan datang.

#### **Tulisan Jawi Dikenal dan Sebati dari Abad yang ke-13**

Murid-murid sekolah dan pelajar-pelajar dari segala kaum mempunyai kesempatan yang baik untuk mempelajari bahasa kebangsaan dengan mengikut sistem nahu, ejaan dan tulisan yang teratur, supaya pada suatu masa nanti mereka akan dapat menguasai bahasa kebangsaan jauh lebih maju, lebih teratur dan lebih kemas daripada kebanyakan orang-orang tua mereka sendiri, termasuklah beribu-ribu orang Melayu yang mendiami kawasan-kawasan luar bandar. Bagi

beratus-ratus ribu orang Melayu yang tidak mendapat atau yang tidak diberi peluang membaca dan menulis dalam tulisan Rumi seperti murid-murid dan pelajar-pelajar hari ini, maka tulisan Jawilah sahaja yang menjadi alat mereka untuk membaca buku-buku pengetahuan dan surat khabar-surat khabar serta membaca kitab-kitab agama Islam. Tulisan yang menggunakan huruf-huruf Arab ini telah dikenal oleh dan sebatian dengan orang-orang Melayu sejak mula agama Islam masuk ke gugusan Kepulauan Melayu, iaitu pada akhir abad yang ke-11 lagi dan di Tanah Melayu semenjak akhir abad yang ke-13. Sebuah peristiwa bertarikh pada tahun 1303 yang dijumpai di Sungai Tersat di Terengganu adalah suatu bukti yang menunjukkan bahawa tulisan Jawi telah lama dikenal oleh orang-orang Melayu. Prasasti di Terengganu itu tertulis dalam huruf-huruf Arab.

Tulisan Rumi yang menggunakan huruf-huruf Latin hanya baharu sahaja dikenal oleh orang-orang Melayu kira-kira 75 tahun pada akhir kurun yang ke-19, iaitu bila orang-orang Inggeris yang membawa huruf-huruf itu mula menjelajah ke Tanah Melayu. Pegawai-pegawai penjajah Inggeris, terutamanya yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pelajaran negeri-negeri Tanah Melayu dahulu, telah mencuba hendak menghapuskan tulisan Jawi dan “mengerikan” pelajaran Melayu, tetapi gagal.

#### **Tulisan Jawi Dikanunkan Bersama-sama dengan Rumi**


Hari ini oleh sebab memandang betapa pentingnya tulisan Jawi untuk pengetahuan dan kepentingan beribu-ribu orang Melayu yang tidak mengenal huruf-huruf lain (tulisan Rumi) dan dari sebab-sebab sejarah maka kerajaan telah mengkanunkan tulisan Jawi sebagai tulisan bahasa kebangsaan yang rasmi di samping tulisan Rumi.

Dalam undang-undang bahasa kebangsaan, undang-undang Parlimen

nombor 10 tahun 1963, yang diluluskan oleh Parlimen, ada disebutkan “**Mengikut Fasal (1), Perkara 152 dalam Perlembagaan, bahawa bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu adalah dalam tulisan Rumi. Asalkan tidak ada jua pun dalam bahagian ini yang melarang penggunaan tulisan Melayu, yang bebas dikenal sebagai tulisan Jawi, untuk bahasa kebangsaan itu.**” Undang-undang bahasa kebangsaan tahun 1963 ini mengkanunkan juga bahawa angka-angka bilangan bagi bahasa kebangsaan ialah angka-angka bilangan Arab (umpamanya, 1, 2, 3, dan sebagainya) yang digunakan di seluruh negeri pada masa sekarang. Oleh yang demikian saya tidak faham mengapa ada orang dalam negeri ini yang tidak fasal-fasal mengungkit-ungkit tentang soal tulisan Jawi.

Kita haruslah sedar bahawa orang-orang Melayu telah banyak bertolak ansur dan bersedia menerima tulisan Rumi untuk faedah dan untuk memudahkan orang-orang yang bukan Melayu mempelajari dan mengetahui bahasa kebangsaan. Ini adalah suatu pengorbanan bagi orang-orang Melayu. Kita tahu bahawa di negeri ini beratus ribu orang Melayu, terutamanya yang duduk di kawasan-kawasan luar bandar, tidak mengenal dan tidak biasa dengan huruf-huruf Latin atau tulisan Rumi. Mereka membaca buku-buku pengetahuan dan surat khabar-surat khabar dan mengetahui hal-hal yang berlaku di dunia sekeliling mereka melalui tulisan Jawi. Oleh yang demikian dalam kegiatan dan kesibukan kita memperjuangkan bahasa kebangsaan di negeri ini janganlah pula kita cuba mengasingkan orang-orang Melayu yang hanya tahu membaca dan menulis dalam tulisan Jawi dari perjuangan itu.

Dari segi-segi ilmiah pula tidak timbul langsung soal keganjilan atau kesalahan pada tulisan Jawi yang menggunakan huruf-huruf Arab itu atau apa sahaja huruf lain yang difikirkan mudah. Huruf-huruf tulisan yang diciptakan oleh manusia, tidak kira



Tunku Abdul Rahman Putera, Perdana Menteri Malaysia sedang membuka Kongres Ekonomi Bumiputera yang bersejarah di ibu kota Malaysia di Kuala Lumpur. Harapan bumiputera, terutamanya Melayu, sedang tertumpu pada Kongres itu dan berharap atas kejayaannya.

bagaimana bentuknya atau dari mana asalnya, cumalah merupakan tanda-tanda atau isyarat-isyarat (simbol-simbol) yang diperlukan oleh manusia untuk merakamkan pengucapan atau bahasa mereka huruf-huruf Latin yang digunakan oleh bahasa kebangsaan sekarang dan oleh bahasa-bahasa Eropah sebenarnya berasal dari Timur Tengah, yang kemudiannya dibentuk semula dan disesuaikan oleh bangsa Itali. Huruf-huruf Rumi atau Latin ini pun belum lengkap untuk merakamkan setepat-tepatnya bunyi-bunyi yang ada dalam Bahasa Inggeris, umpamanya, dan oleh sebab inilah Persatuan Fonetik Antara Bangsa (*International Phonetics Association*) dalam tahun 1886 telah membentuk atau mencipta lambang-lambang fonetik baharu untuk merakamkan dengan lebih lengkap lagi segala bunyi yang terdapat dalam bahasa-bahasa Eropah, termasuklah Bahasa Inggeris. Ringkasnya, tidak ada perkara yang ajaib mengenai tulisan Jawi itu. Bagi penyelidik-penyelidik dan sarjana-sarjana yang mahu mendalami bahasa, sastera dan sejarah orang-orang Melayu maka mengetahui tulisan Jawi

adalah syarat yang penting.

Akhirnya saya berseru kepada pelajar-pelajar sekalian supaya berusaha bersungguh-sungguh mempelajari menulis dan bertutur dalam bahasa kebangsaan bukan sahaja menguntungkan diri kamu semua di masa hadapan tetapi juga memberi kemegahan kepada negeri ini. Seruan “Bahasa Jiwa Bangsa” yang diertikan sebagai “Bahasa Kebangsaan Jiwa Bangsa Malaysia” itu mestilah kita amalkan dengan bukti-bukti yang tegas dan berani.

Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan-persatuan Bahasa Kebangsaan Sekolah Menengah daerah Kuala Lumpur yang telah menjayakan peraduan-peraduan hari ini. Juga tahniah saya kepada peserta-peserta yang berjaya dalam peraduan-peraduan yang telah diadakan itu, ada kepada peserta-peserta yang tidak berjaya cubalah sekali lagi pada tahun hadapan. – Demikian ucapan Tuan Syed Nasir.